A

Mohd Aliff bin Fauzi lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — RAYUAN JENAYAH NO 42S-26–7 TAHUN 2016
AHMAD BACHE PK
31 DISEMBER 2017

C *Keterangan — Anggapan bertentangan — Kegagalan memanggil saksi — Perayu disabit dan dijatuhkan hukuman penjara tujuh tahun kerana kesalahan memilikinya sebilah pisau menurut s 6(1) Akta Bahan Kakisan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 — Sama ada kegagalan pendakwa raya memanggil saksi mengundang anggapan bertentangan — Akta Keterangan 1950 s 114(g)*

D

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabit dan dijatuhkan hukuman penjara tujuh tahun kerana kesalahan memiliki sebilah pisau menurut s 6(1) Akta Bahan Kakisan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada terdapat elemen milikan sebilah pisau — Sama ada perayu berjaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan — Sama ada mahkamah perlu mengambil inferens yang memihak tertuduh apabila terdapat dua inferens — Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 s 6(1)

E

F

G Perayu dituduh dengan dua kesalahan: (a) memiliki sebilah pisau yang menyalahi s 7(1) Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 ('Akta 1958'); dan (b) gagal menunjukkan kad pengenalan yang menyalahi peraturan 25(1)(n) Peraturan Pendaftaran Negara 1990 ('PPN'). Selepas penutupan kes pendakwa raya, pihak pendakwaan telah meminda pertuduhan pertama dari s 7(1) kepada s 6(1) Akta 1958. Setelah pertuduhan pindaan dibaca, perayu masih memohon untuk dibicarakan. Di akhir kes pendakwaan, perayu telah dilepas dan dibebaskan untuk kesalahan yang kedua. Namun, perayu masih dipanggil untuk membela diri untuk pertuduhan pertama yang dipinda. Tiada rayuan dibuat oleh pendakwa raya mengenai keputusan di bawah peraturan 25(1)(n) PPN. Perbicaraan di bawah s 6(1) Akta 1958 diteruskan sehingga peringkat pembelaan. Pada akhir kes pembelaan, hakim bicara mahkamah sesyen telah mendapati perayu bersalah dan menyabit perayu ke atas pertuduhan pindaan tersebut dan perayu telah dihukum penjara. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

H

I

Diputuskan, membenarkan rayuan dan perayu dilepas dan dibebaskan:

(1) Penelitian dan penilaian mahkamah terhadap saksi-saksi pendakwaan dalam membuktikan elemen milikan sebilah pisau pada tahap maksima mendapati terdapatnya keraguan bahawa beg pouch yang mengandungi sebilah pisau tersebut adalah di dalam milikan perayu. Malahan, mahkamah mendapati perayu tidak memiliki *bag pouch* dan pisau tersebut kerana jagaan dan kawalan berserta pengetahuan yang kesemua menjadikan elemen milikan mengikut undang-undang tidak dapat dibuktikan (lihat perenggan 19).

(2) Hakim bicara mahkamah sesyen terkhilaf kerana gagal mengguna pakai undang-undang mantap bahawa apabila terdapat dua inferens, inferens yang memihak kepada tertuduh perlu diterima pakai (lihat perenggan 41).

(3) Hakim bicara gagal mengambil kira bahawa fakta bahawa kad ATM dan kad pengenalan kepunyaan seorang bernama Rosadilla berada di dalam *bag pouch* tersebut. Ini secara dasarnya menunjukkan bahawa *bag pouch* tersebut kepunyaan Rosadilla dan melainkan Rosadilla dipanggil untuk mematahkan anggapan itu. Malah, laporan polis yang dikatakan dibuat oleh Rosadilla tidak juga dikemukakan yang mana boleh menentukan sama ada Rosadilla hanya kehilangan dokumen-dokumen peribadinya ataupun bersama dengan *bag pouch* yang juga mengandungi sebilah pisau. Kegagalan pendakwa raya memanggil Rosadilla untuk memberi keterangan bukan sahaja gagal menutup jurang kes pendakwa raya, malahan mengundang anggapan bertentangan dikenakan terhadap pendakwa raya di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 (lihat perenggan 43–44).

(4) Hakim bicara juga tersalah arah apabila gagal mengambil kira bahawa di dalam kes yang melibatkan sesuatu milikan barang salah, ia adalah tanggungjawab pendakwa raya untuk mengenepikan kemungkinan orang lain mempunyai akses kepada barang salah tersebut dan bukannya pihak pembelaan untuk membuktikan sebaliknya. Fakta bahawa zip *bag pouch* telah terbuka menguatkan lagi pembelaan perayu bahawa sesiapa sahaja boleh memasukkan pisau tersebut di dalam beg pouch tersebut. Sepanjang kes di peringkat pendakwaan, beberapa inferens telah ditimbulkan oleh pembelaan dan hakim bicara gagal mengambil kira bahawa apabila berhadapan dengan keadaan sedemikian, adalah kehendak undang-undang bahawa inferens yang memihak kepada perayu perlu diberikan kepadanya (lihat perenggan 46 & 49–50).

[English summary

The appellant was charged with two offences: (a) in possession of a knife which is contrary to s 7(1) of the Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958 ('the 1958 Act'); and (b) failed to show his identity card

which is contrary to r 25(1)(n) of the National Registration Rules 1990 ('the NRR'). Upon the close of the prosecution's case, the prosecutor had amended the first charge from s 7(1) to s 6(1) of the 1958 Act. After the amended charge was read, the appellant had requested to be tried. At the end of the prosecution's case, the appellant was discharge and release for the second offence. However, the appellant was asked to enter defence for the first amended charge. No appeal was made by the prosecutor with regards to the decision under r 25(1)(b) of NRR. The trial under s 6(1) of the 1958 Act was continued under the defence stage. At the close of the defence's case, the sessions court judge found that the appellant was guilty and convicted the appellant on the amended charge and the appellant was sentence to imprisonment. Unsatisfied with the decision, the appellant filed this appeal to this court.

Held, allowing the appeal and discharging and releasing the appellant:

(1) The court's finding and assessment towards the prosecution's witnesses in proving the element of ownership of the knife at its maximum has found that there are doubts that the beg pouch containing the said knife was in the appellant's possession. Further, this court finds that the appellant did not own the beg pouch and the knife as the care and control as well as the knowledge in relation to the element of ownership as established under the law was not proven (see para 19).

(2) The sessions court judge was mistaken because he had failed to use trite law to decide that when there are two inferences, the inference that is in favour of the accused needs to be use (see para 41).

(3) The trial judge failed to take into account the fact that the ATM card and the identity card belonging to someone named Rosadilla was in the beg pouch. This was the basis to show that the beg pouch belonged to Rosadilla unless Rosadilla was called to dispute that basis. Further, the police report that was said to be made by Rosadilla did not disclose whether it can be determine whether Rosadilla had only lost her personal documents or along with the beg pouch that contains a knife as well. The prosecutor's failure to call Rosadilla to given evidence not only failed to cover the prosecutor's case, it had also invited contradictory assumptions that was imposed on the prosecutor pursuant to s 114(g) of the Evidence Act 1950 (see paras 43–44).

(4) The trial judge was also misled after failed to consider that in the case it involve an illegal possession, it is then the responsibility of the prosecutor to set it as the possibility of others having access to the said illegal item and it is not the defence to proof otherwise. The fact that the zip of the beg pouch was open further strengthen the appellant's defence that anyone could have put in that knife into the beg pouch. The whole of this case at the prosecution stage, a few inferences was raised by the defence and the trial judge failed to take into account that when faced with such

a situation, there is a requirement under the law that inference that is in favour of the accused must be given to him (see paras 46 & 49–50).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan memanggil saksi, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 470–506.
Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 321–500.

Kes-kes yang dirujuk

Azizan bin Yahaya v PP [2013] 1 MLJ 180; [2012] 8 CLJ 405, MR (dirujuk)
Chan Pean Leon v PP [1956] 1 MLJ 237 (dirujuk)
Husin bin Sitorus v PP [2012] 3 MLJ 782; [2012] 7 CLJ 205, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya v Ang Kian Chai [2012] MLJU 158; [2012] 4 MRLA 456, MR (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1, MT (dirujuk)
PP v Mohd Noor bin Shafie [2016] 12 MLJ 234; [2016] 1 LNS 1229, MT (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
Rohaida binti Ahmad Basri v Pendakwa Raya [2017] MLJU 400; [2017] 8 CLJ 63, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Bahan Kakisan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 ss 6, 6(1), 7(1)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Tatacara Jenayah ss 113, 173(f), 180(i)
Peraturan Pendaftaran Negara 1990 peraturan 25(1)(n)

Nizam bin Mohamed (Firdaus bin Mohd Yusoff bersamanya) (Firdaus & Partners) bagi pihak perayu.
Norazlinawati bt Arshad (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan) bagi pihak responden.

Ahmad Bache PK:

LATAR BELAKANG

[1] Perayu/OKT telah pada asalnya dituduh dengan satu pertuduhan iaitu memiliki senjata berbahaya iaitu sebilah pisau tanpa maksud yang sah, satu kesalahan dibawah s 7(1) Akta Bahan Kakisan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 ('ABKLSB') dan satu lagi pertuduhan kerana gagal menunjukkan kad pengenalan, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah peraturan 25(1)(n) Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

[2] Setelah kes pendakwaan ditutup, pendakwa raya telah mengemukakan pindaan pertuduhan daripada s 7(1) kepada s 6(1) Akta Bahan Kakisan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958. Setelah pertuduhan pindaan dibacakan, perayu/OKT masih pohon dibicarakan. Di akhir kes pendakwaan, perayu/OKT telah dipanggil untuk membela diri untuk pertuduhan pindaan dibawah s 6(1) ABKLSB ini tetapi dilepas dan dibebaskan untuk kesalahan yang boleh dihukum di bawah peraturan 25(1)(n) Peraturan Pendaftaran Negara 1990 tersebut. Tiada rayuan dibuat oleh pendakwa raya mengenai keputusan dibawah peraturan 25(1)(n) Peraturan Pendaftaran Negara 1990 ini. Perbicaraan dibawah s 6(1) ABKLSB diteruskan di peringkat pembelaan.

[3] Pada 13 Jun 2016 di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah mendapati perayu/OKT bersalah dan mensabitkan perayu/OKT ke atas pertuduhan pindaan tersebut dan perayu/OKT telah dihukum penjara selama tempoh tujuh tahun berkuat kuasa dari tarikh tangkap iaitu pada 2 Mei 2016.

[4] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu/OKT telah menfailkan rayuan ke mahkamah ini. Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah ini telah membenarkan rayuannya dan perayu/OKT dilepas dan dibebaskan.

[5] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pendakwa raya telah menfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan. Ini merupakan alasan-alasan kepada keputusan tersebut.

PERTUDUHAN

[6] Pertuduhan asal di bawah s 7(1) Akta Bahan Kakisan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 terhadap perayu/OKT adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 02/05/2015 jam lebih kurang 07.00 malam di Pasar Siti Khadijah, di dalam daerah Kota Bharu, di dalam Negeri Kelantan, telah didapati dalam milik kamu, satu senjata berbahaya iaitu satu bilah pisau berhulu plastik warna hitam ukuran panjang lebih kurang 20cm di tempat awam. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 7(1) Akta Bahan Kakisan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

[7] Pertuduhan pindaan di bawah s 6(1) Akta Bahan Kakisan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 terhadap perayu/OKT adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 02/05/2015 jam lebih kurang 7.00 malam di pasar besar Siti Khadijah, di dalam Daerah Kota Bharu, di dalam Negeri Kelantan, telah didapati dalam milik kamu, satu senjata berbahaya iaitu satu bilah pisau berhulu plastik warna hitam ukuran panjang lebih kurang 20 cm di tempat awam. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 6(1) Akta Bahan Kakisan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

KES PENDAKWAAN

[8] Kes pendakwaan adalah seperti mana yang telah dihuraikan oleh hakim mahkamah sesyen seperti di ms 18–19 rekod rayuan seperti berikut:

> Keterangan pihak pendakwaan ialah pada 2.5.2015, dekat pukul 7.00 petang, semasa SP3 dan isterinya berada di tempat mereka berniaga iaitu di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, SP3 diberitahu oleh isterinya bahawa OKT telah mengambil telefon tangan SP3 yang diletakkan di dalam sebuah bakul. SP3 bertanyakan kepada OKT tetapi OKT melarikan diri. Jarak SP3 dengan OKT semasa SP3 mula-mula nampak OKT di tempat SP3 berniaga lebih kurang 5 kaki. SP3 telah mengejar OKT bersama dengan orang-orang di dalam pasar tersebut. OKT dapat ditangkap berdekatan dengan jalan besar oleh orang awam lebih kurang 100 meter dari tempat SP3 berniaga. SP3 mendapati ada sebuah beg pinggang berwarna kelabu yang tertulis perkataan 'SPORT' (P2) dekat pinggang OKT iaitu di atas perut OKT. SP3 tidak pasti samada P2 dipakai/sarungkan atau tidak pada pinggang OKT. SP3 tidak membuka P2 tetapi hanya memegang P2 di mana SP3 merasakan tiada telefon di dalam P2. P2 telah terbuka sedikit. SP3 tidak perasan isi kandungan P2 tersebut, SP3 dapati tiada telefon pada OKT. Telefon SP3 dijumpai oleh orang awam dan SP3 dimaklumkan telefon tersebut dijumpai dekat OKT. Terdapat lebih kurang 30 orang awam di tempat OKT ditangkap. SP1 dan 2 orang anggota polis semasa sedang membuat rondaan di sekitar bandar telah dimaklumkan tentang tangkapan oleh orang awam. Apabila sampai di tempat kejadian, SP1 mendapati OKT dikelilingi oleh orang ramai. SP1 mendapati P2 berada di sebelah kaki OKT. SP1 bertanyakan kepada OKT samada P2 beg OKT, OKT menjawab betul. Di dalam P2, SP1 telah menjumpai sebilah pisau yang mempunyai pemegang plastik berwarna hitam panjang 20 cm (P3), 1 kad pengenalan serta kad ATM BSN dan kad ATM Maybank di atas nama Rosadilla Edziliana. OKT dan barang-barang kes dibawa ke balai dan diserahkan kepada SP4. SP4 mendapati kad pengenalan dan 2 kad ATM tersebut dilaporkan hilang pada 22.4.2015.
>
> Selepas kes pendakwaan ditutup, sebelum hujahan bertulis difailkan iaitu pada 12.4.2016, pihak pendakwaan telah mengemukakan tuduhan pindaan (Lampiran A) yang meminda pertuduhan dari seksyen 7(1) kepada seksyen 6(1) di bawah akta yang sama. Setelah tuduhan pindaan dibacakan OKT masih memilih untuk dibicarakan.

PENGANALISAAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

Di peringkat pendakwaan/prima facie

[9] Standard pembuktian yang harus diguna pakai di akhir kes pendakwaan adalah 'prima facie' setelah pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dibuat pada 31 Januari 1997 terhadap s 173(f) (bagi mahkamah rendah) dan s 180(i) KTJ (bagi Mahkamah Tinggi) seperti berikut:

> *When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.*

[10] Di dalam kes Mahkamah Persekutuan *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 Mahkamah Persekutuan telah memberi panduan kepada hakim atau majistret di dalam memutuskan kes prima facie seperti berikut:

> (i) At the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;
>
> (ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;
>
> (iii) after the defence is called, if the accused elects to remain silent, then convict; and
>
> (iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263; [1963] 1 LNS 82.

[11] Di dalam erti kata lain, maksudnya ialah kekuatan keterangan itu jika tidak disanggah adalah memadai untuk mahkamah mempertimbangkan kewujudan fakta-fakta sepertimana pertuduhan, seperti mana diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1, di mana Augustine Paul (hakim Mahkamah Tinggi ketika itu) telah menyatakan di ms 63–64 seperti berikut:

> A prima facie case arises when the evidence in favour of a party is sufficiently strong for the opposing party to be called on to answer. The evidence adduced must be such that it can be overthrown only by rebutting evidence by the other side. Taken in its totality, the force of the evidence must be such that if unrebutted, it is sufficient to include the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts existed or did happen. As this exercise cannot be postponed to the end of the trial, a maximum evaluation of the credibility of witnesses must be done at the close of the case for the prosecution before the court can rule that a prima facie case has been made out in order to call for the defence.

[12] Inti pati pertuduhan bagi pertuduhan s 6 ABKLSB ini adalah seperti berikut:

(a) perayu/OKT pada masa kejadian *memiliki* senjata berbahaya; dan

(b) perayu/OKT membawa senjata itu di tempat awam.

[13] Sekarang mahkamah akan meneliti mengenai inti pati utama tersebut iaitu milikan. A

[14] Adalah menjadi kes pendakwaan bahawa pisau (P3) tersebut adalah milikan perayu/OKT kerana ianya dijumpai di dalam *bag pouch* yang mana *bag pouch* (P2) tersebut kononnya berada di pinggang perayu/OKT. Mengikut kes pendakwaan, perayu/OKT sendiri telah mengaku *bag pouch* tersebut adalah milikannya. Namun pihak perayu/OKT di peringkat pendakwaan lagi telah mencadangkan bahawa *bag pouch* tersebut tidak dipakai olehnya dan bukan milikannya. Malahan pihak perayu/OKT telah seawal-awalnya lagi menafikan bahawa beliau ada mengaku di hadapan SP1 bahawa bag pouch tersebut adalah milikanya. B C

[15] Berbalik kepada persoalan pemilikan ini, adalah menjadi tanggungjawab pihak pendakwaan untuk membuktikan bahawa perayu/OKT memiliki P2 yang turut mengandungi senjata pisau (P3) tersebut. Apa yang dimaksudkan dengan milikan boleh terdapat di dalam banyak otoriti-otoriti tersohor. Di dalam kes *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237, Thomson J menyatakan di ms 239 sebegini: D E

> 'Possession' itself as regards the criminal law is described as follows in *Stephen's Digest* (9th Ed) at p 304):
>
> > A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need. F

[16] Ke arah itu untuk membuktikan pemilikan, dua elemen perlu wujud iaitu elemen fizikal dan elemen mental. Ini diterangkan oleh Thomson H di dalam kes *Chan Pean Leon* dimana beliau menyatakan: G

> To establish 'possession' for the purposes of criminal law two separate questions are involved. The first is whether the accused party was in possession of the article in question and the second, by reason of the application of the maxim *actus non facit reum nisi mens sit rea*, is whether he had knowledge of the nature of the thing possessed. H

[17] Thomson H turut menyatakan seperti berikut:

> To put it otherwise, there is a physical element and a mental element which must both be present before possession is made out. The accused must not only be so situated that he can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on a table. It must also be shewn that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, in other words, that he had some *animus possidendi*. Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. I

A It can only be proved by inference from the surrounding circumstances and the second, by reason of the application of the maxim *actus non facit reum nisi mens sit rea*, is whether he had knowledge of the nature of the thing possessed.

B **[18]** Pihak pendakwaan telah menyandarkan kesnya kepada keterangan beberapa orang saksi pendakwaan untuk membuktikan elemen milikan ini khususnya SP3 (orang awam), SP1 (Korp Azmi) dan SP4 (Sgt Daglish), pegawai penyiasat kes ini.

C **[19]** Penelitian dan penilaian mahkamah terhadap SP3 dan SP1 khususnya, di tahap maksima (*maximum evaluation*) mendapati terdapatnya keraguan bahawa *bag pouch* (P2) yang mengandungi pisau (P3) tersebut adalah di dalam milikan perayu/OKT. Malahan mahkamah ini mendapati perayu/OKT tidak memiliki (P2) dan (P3) tersebut didalamnya kerana jagaan (*custody*) dan kawalan (*control*) berserta pengetahuan yang kesemua menjadikan elemen
D 'milikan' mengikut undang-undang, tidak dapat dibuktikan.

[20] Ke arah itu, berikut mahkamah memperincikan penilaian mahkamah terhadap keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan.

E

[21] Menurut SP3 yang berniaga dengan isterinya di tempat kejadian iaitu Pasar Siti Khadijah, pada tarikh kejadian ie 2 Mei 2015 kira-kira pukul 6 petang lebih (hampir pukul 7 malam) ketika sedang mengemas barang-barang berniaga, perayu/OKT telah disyaki mencuri telefon bimbitnya
F yang telah diletakkan dalam satu bekas. Di atas jeritan beliau dan isteri, pekerja-pekerja pasar dan orang ramai telah mengejar perayu/OKT dan orang ramai telah berjaya menangkap perayu/OKT. Perayu/OKT telah dipukul dan SP3 telah memperolehi telefonnya yang diserahkan oleh kalangan orang ramai di situ.

G

[22] Menurut SP3, semasa beliau menghampiri perayu/OKT bagi kali pertama yang dikerumuni oleh orang ramai ketika itu, beliau tidak melihat *bag pouch* tersebut (P2) berada bersama perayu/OKT. SP3 juga tidak berjumpa telefonnya. Beliau kemudian balik semula ke gerai niaganya.

H

[23] Semasa disoal balas SP3 bersetuju, apabila dikejar orang ramai, seseorang akan lari daripada tempat kejadian. SP3 bersetuju beliau pergi ke tempat perayu/OKT ditangkap sebanyak dua kali. Tetapi hanya pada kali kedua beliau datang semula dan terlihat P2 tersebut berada bersama
I perayu/OKT iaitu dekat pinggang perayu/OKT.

[24] SP3 sendiri bersetuju kemungkinan P2 (*bag pouch*) yang mengandungi P3 (pisau) tersebut diletak oleh orang ramai ke atas perayu/OKT (ms 53 rekod rayuan). Peguambela OKT telah menanya sekali lagi dan di ms 54 rekod

rayuan SP3 telah ditanya:

S: Kemungkinan pouch bag bukan milik OKT?

J: Setuju.

S: Dalam keadaan OKT ditangkap, setuju saya cadangkan pouch bag diletak oleh orang ramai dekat OKT?

J: Setuju.

[25] SP3 juga bersetuju bahawa zip *bag pouch* (P2) tersebut adalah terbuka ketika beliau melihatnya.

[26] Di ms 55 rekod rayuan SP3 telah ditanya dan dijawab beliau seperti berikut:

S: Bila terbuka kemungkinan orang lain letak barang?

J: Setuju.

S: Ramai itu seramai mana?

J: Lebih 30 orang. Orang jual pasar malam.

[27] SP3 memberi deskripsi suasana kekecohan semasa disoal semula oleh TPR antara lain seperti berikut di ms 56 rekod rayuan:

S: Ada kamu nampak tangan letak bag atas badan OKT?

J: Banyak tangan. Ada yang pukul. Ada yang sentuh hidung. Tak nampak yang letak pouch bag sebab ramai.

[28] Mengenai pisau (P3) itu sendiri, semasa disoal semula oleh pendakwa raya SP3 menjawab:

S: Ada kamu nampak orang letak pisau dalam pouch bag?

J: Tak nampak. Hanya kemungkinan sebab ramai, tak pasti.

[29] Rumusan daripada keterangan SP3 yang boleh disimpulkan oleh mahkamah ini ialah kali pertama beliau menghampiri perayu/OKT, P2 tidak ada bersama atau tidak berada dengan perayu/OKT tetapi P2 hanya berada bersama perayu/OKT ketika beliau menghapiri perayu/OKT buat kali kedua.

[30] Keadaan ini telah menimbulkan keraguan kerana ianya menunjukkan bahawa P2 tersebut bukan milikan perayu/OKT tetapi ianya diletak oleh orang ramai semasa di dalam suasana kecoh tersebut ketika SP3 balik ke gerai

niaganya. Dengan keterangan SP3 ini, iaitu seorang awam yang tidak mempunyai kepentingan, adalah mencukupi untuk kes pendakwaan terhadap perayu/OKT gugur.

[31] Malahan jika dilihat, SP3 ini boleh mereka-reka cerita untuk menguatkan kes pendakwaan kerana beliau mempunyai sebab untuk marah kepada perayu/OKT kerana disyaki mencuri telefon bimbitnya. Namun SP3 dengan jujur telah memberi keterangan seperti mana di atas yang memihak kepada perayu/OKT. SP3 juga menyatakan beliau bukan orang yang menangkap perayu/OKT tetapi ada individu lain dikalangan orang ramai di situ yang menangkap perayu/OKT.

[32] Bukan itu sahaja, malahan keterangan SP3 ini disokong oleh keterangan SP1 semasa disoal balas oleh peguam perayu/OKT. SP1 adalah anggota polis yang datang untuk membuat tangkapan semula terhadap perayu/OKT.

[33] Pernyataan SP1 kononnya perayu/OKT mengaku kepada SP1 bahawa P2 itu adalah kepunyaannya tidak sepatutnya diterima masuk oleh hakim bicara kerana pindaan terbaru kepada s 113 KTJ menghalangnya. Tambahan lagi keadaan perayu/OKT adalah didalam keadaan ketakutan dan kesakitan (lihat keterangan SP1 di ms 46).

[34] Keterangan SP1 juga menunjukkan di dalam *bag pouch* (P2) tersebut terdapat kad pengenalan dan kad ATM orang lain. Malahan di dalam bag tersebut tidak satu pun dokumen atau barang-barang yang boleh dikaitkan dengan perayu/OKT kerana tiada satu pun barangan di dalamnya kepunyaan perayu/OKT. Ini disahkan oleh SP1 sendiri.

[35] SP1 telah ditanya mengenai perkara ini semasa disoal balas di ms 45 rekod rayuan dan beliau bersetuju seperti berikut:

S: IC dan kad ATM tidak menunjukkan beg tersebut milik OKT?

J: Setuju.

[36] SP1 juga ketika disoal balas dicadangkan bahawa bag tersebut (P2) tidak dijumpai di tubuh perayu/OKT dan beliau bersetuju seperti keterangannya di ms 45 rekod rayuan seperti berikut:

S: Beg itu bukan berada di tubuh badan suspek?

J: Setuju.

S: Setuju atau tidak beg tiada dalam milikan OKT?

J: Setuju.

[37] Apabila ditanya mengenai P1 (senarai bongkar), SP1 bersetuju bahawa tidak ada apa-apa di dalam dokumen tersebut yang boleh mengaitkan perayu/OKT kecuali tandatangan seperti mana di ms 45 rekod rayuan.

S: Dalam P1 tiada satu pun berkaitan dengan OKT kecuali tandatangan?

J: Setuju.

[38] Hakim sesyen pula telah membuat dapatan seperti mana di dalam alasan penghakimannya di ms 20, beliau telah menerima masuk keterangan SP1 kononnya perayu/OKT telah mengaku di depannya bahawa P2 tersebut kepunyaannya. Hakim bicara tidak sepatutnya menerima masuk penyataan tersebut kerana terhalang oleh peruntukan baru s 113 KTJ sebagaimana dipinda.

[39] Malahan jika peruntukan yang lama terpakai sekali pun pernyataan tersebut tidak boleh diterima masuk kerana tiada amaran diberikan dan juga perayu/OKT tidak memberinya secara sukarela kerana perayu/OKT di dalam ketakutan dan kesakitan berdasarkan keterangan SP1 sendiri (yang bukan berpangkat inspektor) dimana semasa disoal balas telah menyatakan seperti berikut di ms 46 rekod rayuan:

S: OKT semasa ditangkap dalam keadaan ketakutan dan kesakitan?

J: Setuju.

S: Kamu tak tanya orang awam pasal pergaduhan ini?

J: Setuju.

S: Selepas tangkapan suspek dibawa ke hospital untuk rawatan?

J: Setuju. Bawa balik ke balai serah kepada A10. Lepas itu bawa ke hospital.

[40] Hakim bicara juga telah tersalah arah kerana dapatan fakta yang dibuatnya adalah bertentangan dengan keseluruhan keterangan yang ada dan gagal mengambil kira keterangan pendakwaan secara keseluruhan. Di ms 20, rekod rayuan beliau berkata:

> SP3 mendapati P2 berada di atas perut OKT. Keterangan SP1 menunjukkan OKT mengakui P2 adalah kepunyaan OKT. Keterangan bahawa OKT mengakui P2 adalah kepunyaannya tidak pernah dicabar oleh peguambela OKT. SP1 kemudiannya mendapati P3 berada di dalam P2. Semasa kejadian OKT melarikan diri. Walaupun OKT melarikan diri mungkin disebabkan kes kehilangan telefon, ianya boleh juga disebabkan oleh OKT mengetahui beliau membawa barang yang salah. Pengetahuan OKT tentang P3 boleh disimpulkan berdasarkan fakta-fakta di atas. Mahkamah berpendapat fakta-fakta di atas menunjukkan OKT mempunyai milikan dan mengetahui kewujudan P3 semasa kejadian.

[41] Hakim bicara adalah khilaf kerana jika beliau membuat penelitian dan penganalisaan kehakiman secara betul, beliau tidak akan membuat dapatan sedemikian. Malahan hakim bicara gagal mengguna pakai undang-undang mantap bahawa apabila ada dua inferens, inferens yang memihak kepada tertuduh perlu diterima pakai (lihat *PP v Mohd Radzi Abu Bakar*).

[42] Dengan keterangan-keterangan yang ada seperti mana yang dirujuk oleh mahkamah diatas, mahkamah tidak bersetuju dengan dapatan/keputusan hakim bicara bahawa 'Mahkamah berpendapat faktor-faktor di atas menunjukkan OKT mempunyai milikan dan mengetahui kewujudan P3 semasa kejadian'.

[43] Hakim bicara juga gagal mengambil kira bahawa fakta bahawa kad ATM dan kad pengenalan kepunyaan seorang bernama Rosadilla berada di dalam P2 secara dasarnya (*on the face of it*) menunjukkan bahawa P2 (*bag pouch*) tersebut kepunyaan Rosadilla melainkan Rosadilla dipanggil untuk mematahkannya (*to rebut it*). Malahan laporan polis yang dikatakan dibuat oleh Rosadilla tidak juga dikemukakan yang mana boleh menentukan samada Rosadilla hanya hilang dokumen-dokumen peribadinya tersebut sahaja ataupun bersama dengan *pouch bag* (P2) yang juga mengandungi P3.

[44] Kegagalan pihak pendakwaan memanggil Rosadilla untuk memberi keterangan bukan sahaja gagal menutup 'gap' kes pendakwaan, malahan mengundang anggapan bertentangan dikenakan terhadap pendakwaan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950. Akibat kegagalan-kegagalan ini, kemungkinan *bag pouch* (P2) ini kepunyaan Rosadilla dengan kandungannya kekal tidak disangkal (*remained unrebutted*).Tidak hairanlah bahawa SP1 dan SP3 sendiri menyatakan bahawa P2 bukan milikan perayu/OKT. Lihat ms 45 dan 54 rekod rayuan.

[45] Ternyata dapatan hakim bicara di ms 22 rekod rayuan yang menyatakan:

> 'Keterangan SP4 bahawa terdapat laporan polis berkenaan kecurian kad pengenalan dan 2 kad ATM tersebut pada 22/4/2015 sudah memadai kerana ianya bukan intipati pertuduhan' adalah salah dan mewajarkan mahkamah ini mengganggunya.

[46] Hakim bicara juga tersalah arah apabila gagal mengambil kira bahawa di dalam kes yang melibatkan sesuatu milikan barang salah adalah menjadi tanggungjawab pendakwa raya untuk mengenepikan (*exclude*) kemungkinan orang lain mempunyai akses kepada barang salah tersebut dan bukannya pihak pembelaan untuk membuktikan sebaliknya. Ini telah mahkamah ini tekankan di dalam dua kes sebelum ini iaitu *Rohaida binti Ahmad Basri v Pendakwa Raya* [2017] MLJU 400; [2017] 8 CLJ 63 dan *Public Prosecutor v Mohd Noor bin*

Shafie [2016] 12 MLJ 234; [2016] 1 LNS 1229, dimana mahkamah telah merujuk kepada beberapa otoriti tersohor mengenai perkara ini. Antara lain, didalamnya mahkamah telah merujuk kepada kes *Pendakwa Raya v Ang Kian Chai* [2012] MLJU 158; [2012] 4 MRLA 456.

[47] Di dalam kes tersebut pendakwa raya gagal memanggil seorang bernama Cheng Jin dan suaminya, Gua Aik Huang yang turut berada di rumah tersebut di mana dadah dijumpai. Kegagalan pendakwaan untuk memanggil saksi-saksi ini untuk mengenepikan kemungkinan mereka ada akses kepada dadah yang dijumpai di dalam rumah itu adalah fatal. Begitu juga di dalam kes *Husin bin Sitorus v Public Prosecutor* [2012] 3 MLJ 782; [2012] 7 CLJ 205 dan *Azizan bin Yahaya v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 180; [2012] 8 CLJ 405.

[48] Keperluan ini adalah lebih ketara di dalam kes ini dimana dadah dijumpai di tempat awam yang amat terdedah seperti di dalam kes ini dan SP3 sendiri menyatakan ada orang awam lain sebelum beliau yang menangkap tertuduh/perayu mewajarkan orang itu dipanggil untuk memberi keterangan. Kegaagalan pihak pendakwaan adalah fatal dan mengundang anggapan bertentangan dikenakan terhadap pendakwa raya.

[49] Fakta bahawa zip P2 telah terbuka menguatkan lagi pembelaan OKT bahawa sesiapa sahaja boleh memasukkan pisau (P3) tersebut di dalam P2.

[50] Sepanjang kes di peringkat pendakwaan beberapa inferen telah ditimbulkan oleh pembelaan dan hakim bicara gagal mengambil kira bahawa apabila berhadapan dengan keadaan sedemikian, adalah kehendak undang-undang bahawa inferen yang memihak kepada perayu/OKT perlu diberikan kepadanya (*PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar*).

KESIMPULAN

[51] Dengan alasan-alasan di atas, mahkamah mendapati bahawa pendakwa raya gagal membuktikan satu kes prima facie telah berjaya diwujudkan. Justeru itu mahkamah mendapati dapatan hakim bicara adalah salah yang mewajarkan keputusan tersebut diganggu. Dengan kegagalan pendakwa raya, untuk membuktikan elemen utama iaitu 'milikan', (walaupun elemen kedua iaitu senjata dijumpai di tempat awam dibuktikan) adalah mencukupi untuk mahkamah ini mendapati bahawa satu kes prima facie telah gagal dibuktikan.

[52] Dengan alasan di atas, keputusan hakim bicara diketepikan dan perayu/OKT sepatutnya dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.

A **[53]** Ke arah itu, mahkamah mendapati tidak ada keperluan untuk mahkamah membuat apa-apa alasan terhadap kes pembelaan.

Rayuan dibenarkan dan perayu dilepaskan dan dibebaskan.

B Dilaporkan oleh Lee TJ

C

D

E

F

G

H

I